

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 27 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L11999
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan strategik Kementerian untuk terus menjadikan Malaysia negara mesra pelabur pasca COVID-19 bagi menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat gergasi antarabangsa.
2. PR-1441-L11956
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan perancangan daripada aspek kebajikan khususnya perumahan mampu milik kepada anggota tentera yang bersara, berpencen atau tidak.
3. PR-1441-L11517
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah status terkini Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji dalam menyiasat isu melibatkan pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji (TH); dan
 - (b) adakah skop siasatan yang akan dilaksanakan akan merangkumi siasatan Pelan Pemulihan TH pada ketika ini.
4. PR-1441-L12423
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pelan Kementerian bagi membantu golongan penjaja yang terjejas di Labuan dan kaedah penyelesaian yang lebih mampan serta mampu melonjak kembali ekonomi domestik sesegera yang mungkin.

5. PR-1441-L12061
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam membantu memulihkan kawasan dan mangsa yang terkesan daripada bencana banjir kepala air di daerah Yan.
6. PR-1441-L11847
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status pelaksanaan Fasa 2B dan 2C Empangan Mengkuang. Bilakah ia akan siap dan diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Jika ada kelewatan, jelaskan sebabnya.
7. PR-1441-L12341
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berikutan isu permohonan pinjaman/cagaran yang tidak layak ekoran status pemilikan tanah di bawah status tanah NCR bagi sektor sawit, bagaimanakah Kementerian melihat isu ini dan apakah langkah terbaik yang boleh diambil bagi memudahkan proses permohonan geran Kerajaan mahupun pinjaman daripada pihak bank oleh penduduk luar bandar.
8. PR-1441-L11705
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan mohon Kementerian memberi maklum balas terkini status vaksinasi kepada pekerja-pekerja tempatan dan asing di sektor pembinaan.
9. PR-1441-L12020
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan keadaan dan situasi semasa pandemik COVID-19 di dalam Negara, adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan PKP 'Total Lockdown' seperti yang telah dilakukan pada tahun 2020 bagi menurunkan bilangan kes positif.
10. PR-1441-L12095
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada benar lesen pengoperasian kilang Lynas telah disambung sehingga bulan Mac 2022. Sekiranya benar, apakah rasional di sebalik keputusan tersebut.

11. PR-1441-L12078
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini projek baik pulih tanah runtuh di Kampung Pohon Chelagi, Pasir Mas dan jangka masa ia dapat disiapkan sepenuhnya.
12. PR-1441-L11772
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia dalam hubungan diplomatik antara Malaysia dan China selepas insiden pencerobohan perairan berdekatan Beting Patinggi Ali di Sarawak.
13. PR-1441-L11494
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kesiapsiagaan Kerajaan dalam berdepan dengan Pilihan Raya Negeri Sarawak dari segi SOP baru yang bersesuaian seperti kempen, aturan pilihan raya, proses pengundian dan logistik dengan keadaan negara masih berdepan dengan pandemik COVID-19.
14. PR-1441-L11934
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi fasa 5 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) akan dimulakan dan berapa kos keseluruhannya, sama ada ia akan melibatkan pengambilan tanah dan apakah ia dapat menyelesaikan masalah banjir di Parlimen Rasah yang diakibatkan oleh limpahan air sungai.
15. PR-1441-L11548
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ada suatu tindakan menzahirkan ucapan takziah secara bertulis kepada semua keluarga yang telah kehilangan nyawa akibat pandemik COVID-19 dan adakah ada suatu tabung bantuan khusus bagi membantu golongan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu akibat COVID-19.
16. PR-1441-L12555
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai status terkini mengenai kerja-kerja pembaikan kerosakan struktur bangunan, kawasan gunasama, unit kediaman individu dan projek penyelenggaraan jangka masa pendek dan panjang bagi semua masalah projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Melinjau seperti yang dibangkitkan oleh pihak penduduk.

17. PR-1441-L12042
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan pengukuhan kedudukan mahkamah syariah untuk dipertingkat menjadi 4 hierarki iaitu Mahkamah Persekutuan Syariah.
18. PR-1441-L12370
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) yang sepatutnya tamat pada akhir tahun 2020 akan diteruskan. Sekiranya ya, apakah dasar baru program ini.
19. PR-1441-L12077
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah perkembangan Skim Wakaf Air, sebanyak mana dana wakaf air ini yang telah berjaya dikumpul dan mohon senaraikan projek-projek wakaf air yang telah dilaksanakan termasuk di Parlimen Kuala Krai.
20. PR-1441-L11536
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LQPB) untuk memastikan kelewatan paling minimum dalam peperiksaan Sijil dalam Praktik Undang-Undang (CLP) untuk kumpulan 2020 - 2021 dan mengapa peperiksaan dalam talian tidak dipertimbangkan.
21. PR-1441-L11804
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian dalam memastikan pelabur antarabangsa terus melabur di Malaysia walaupun dalam keadaan dunia sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19.
22. PR-1441-L12212
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan bagi memastikan lantikan-lantikan di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dibuat berdasarkan merit tanpa mengambil kira sebarang kepentingan politik.

23. PR-1441-L11529
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada rancangan untuk menggubal lima undang-undang iaitu anti lompat parti, mengenai dana politik, tempoh jawatan Perdana Menteri, RUU 355 serta penderhakaan terhadap titah rasmi SBP YDP Agong.
24. PR-1441-L11464
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bentuk galakan yang telah dilakukan bagi menarik minat lebih ramai penyertaan sukarelawan kesihatan dan bukan kesihatan di setiap Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negeri Sabah sebagai antara usaha untuk mempercepatkan kenaikan kadar vaksinasi penuh menjelang Oktober.
25. PR-1441-L12049
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan ekonomi semasa dengan menyatakan jumlah pelaburan asing bagi tahun semasa.
26. PR-1441-L11702
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status terkini tentang pembinaan Jambatan Baharu Temerloh dan bilakah pembinaan ini dapat disiapkan setelah tergendala akibat pandemik COVID-19.
27. PR-1441-L11824
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu Rang Undang-Undang untuk mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal akan dibentang di Parlimen.
28. PR-1441-L12098
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilakah negeri Pahang akan mencapai 50 peratus tahap penduduk yang terima vaksin sebanyak dua dos. Memandangkan sekarang Pahang sudah masuk ke Fasa 2 di dalam Pelan Pemulihan Negara akan tetapi masih belum dapat membuka ekonomi kerana jumlah yang sudah menerima vaksin amat rendah.

29. PR-1441-L11686
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengetatkan lagi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi menghalang penduduk mengambil kesempatan *loophole* jangka masa antara pengumuman dan pelaksanaan bagi melarikan dari kawasan PKPD, dan bagi menghalang penduduk untuk keluar masuk dari kawasan PKPD atas alasan bahawa pekerja sektor *essential*.
30. PR-1441-L11716
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan daripada pelaksanaan Proklamasi Darurat yang dilaksanakan bagi memerangi penularan COVID-19.
31. PR-1441-L12443
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) jumlah dos dan nilai vaksin yang diperoleh secara derma daripada luar negara; dan
 - (b) adakah vaksin tersebut yang dijual kepada mana mana pihak dan berapa dos yang dijual serta nilai hasil jualan.
32. PR-1441-L11736
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jika Sinovac dan vaksin-vaksin disumbangkan, mengapa Kerajaan menjual vaksin-vaksin tersebut dan tidak memberikannya secara percuma.
33. PR-1441-L11909
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan keseluruhan jumlah dos vaksin telah dibeli oleh Kerajaan, jumlah dos diterima setakat 31 Julai 2021, jumlah kos keseluruhannya dan jumlah dos vaksin yang telah diberikan secara percuma oleh negeri China.
34. PR-1441-L12111
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan syarikat yang telah gulung tikar dan data pekerja diberhentikan mengikut negeri-negeri bagi tahun 2020 dan 2021. Apakah bantuan ekonomi Kerajaan khusus bagi pengusaha yang menamatkan perniagaan dan pekerja hilang kerja akibat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berpanjangan.

35. PR-1441-L11859
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Dewan Rakyat seringkali mengutamakan Peraturan Mesyuarat berbanding peruntukan Perlembagaan walhal ianya dengan terang bertentangan dengan doktrin "*ultra vires*".
36. PR-1441-L11874
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan peneroka Felda yang telah menandatangani perjanjian untuk mansuhkan hutang lapuk. Berapa jumlah hutang yang melibatkan peneroka-peneroka yang sudah menandatangani perjanjian.
37. PR-1441-L12164
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menggubal Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti dalam masa yang terdekat bagi mengatasi 'pandemik politik' negara memandangkan sudah 3 orang Perdana Menteri sejak Mei 2018 dalam satu penggal Parlimen iaitu Parlimen ke-14.
38. PR-1441-L12119
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kilang-kilang yang ditutup di kawasan DUN Jelapang, DUN Menglembu dan DUN Tronoh di bawah Parlimen Batu Gajah. Berapa ramai pekerja-pekerja yang telah hilang pekerjaan mereka akibat penutupan itu di ketiga-tiga DUN tersebut.
39. PR-1441-L12036
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap lantikan Menteri Khas atau Duta Khas bertaraf Menteri yang dilihat sebagai membazir dan tidak perlu seperti jawatan Menteri Khas Penasihat PM, apakah fungsi utama jawatan-jawatan ini dan setakat ini berapa jumlah gaji dan elaun dibayar kepada Menteri Khas dan Duta Khas ini.
40. PR-1441-L11606
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pembayaran pencen mengikut tahun dari 2010 – 2020 mengikut perundangan berkenaan pencen dan apakah unjuran untuk tahun 2030. Apakah usaha Kerajaan untuk menghadapi peningkatan pembayaran pencen tersebut untuk tahun-tahun akan datang.

41. PR-1441-L12284
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan memperkenalkan reformasi Parlimen, termasuk memastikan peruntukan tahunan Ahli-Ahli Parlimen disalurkan serta diaudit oleh Parlimen.
42. PR-1441-L11665
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang diperuntukan bagi penyediaan Trak Vaksin Bergerak (TVB) di Kuala Lumpur termasuk perbelanjaan untuk fasiliti, sukarelawan dan para petugas perubatan serta jumlah keseluruhan mereka yang menerima vaksin melalui TVB ini.
43. PR-1441-L11743
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) status terkini Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK); dan
 - (b) apakah kriteria terkini yang digunakan ketika menetapkan aturan (*queue*) temu janji di kalangan mereka yang sudah berdaftar.
44. PR-1441-L12017
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan terbaru pemberian vaksin COVID-19 di negeri Sabah, apakah faktor utama kelewatan *herd immunity* di Sabah dan apakah usaha serta inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan *herd immunity* di Sabah.
45. PR-1441-L11640
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada negara kita akan mempertingkatkan untuk meningkatkan had umur persaraan minima memandangkan jangka hayat rakyat yang semakin panjang sekarang.
46. PR-1441-L12181
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa Kerajaan mengenakan bayaran dalam program PIKAS untuk RM45 per dos. Berapa jumlah pendapatan dari PIKAS dan bagaimanakah ia digunakan.

47. PR-1441-L12187
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan RM70 juta yang diperuntukkan untuk MySejahtera, integrasi data dan sistem temu janji. Senaraikan pemenang-pemenang kontrak dan nilai kontrak masing-masing.
48. PR-1441-L11842
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang. Apakah perancangan terkini, sebab kelewatan dan kos yang terlibat.
49. PR-1441-L12440
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai status projek ubahsuai kediaman rasmi Perdana Menteri ke-8 di Seri Perdana yang dikatakan kos sebanyak RM30 juta. Apa justifikasi projek yang mewah ini perlu dibuat semasa rakyat sedang berperang dan terkesan dengan pandemik COVID-19. Apa komponen dan skop yang terlibat.
50. PR-1441-L11668
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan semua pekerja warga negara asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara kita mendapat suntikan vaksin COVID-19. Nyatakan jumlah bilangan warga negara asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang telah mendapat vaksin COVID-19 sehingga sekarang.
51. PR-1441-L12429
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status perbincangan dalam Majlis Khas MA63 di mana terdapat empat lagi perkara berkaitan dengan MA63 yang belum dipersetujui iaitu Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum, Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 [akta 750]; dan Hak Negeri ke atas Pelantar Benua (Akta Pelantar Benua 1966 [Akta83]).
52. PR-1441-L11644
Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengeluaran petroleum negara mengikut pecahan negeri yang berkenaan dan jenis produk petroleum yang terlibat bagi tahun 2019 hingga 2021.

53. PR-1441-L12357

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah notis kompaun ketidakpatuhan peratutan atau SOP PKP yang dikeluarkan sejak 21 Julai 2021 di bawah. Sama ada Kerajaan bersedia untuk membatalkan notis-notis tersebut khasnya apabila wujudnya kekeliruan sama ada Ordinan Darurat tersebut telah dibatalkan atau masih berkuatkuasa sejak 21 Julai 2021.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

merestui usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 4. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |

5. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

6. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "

[Menteri Dalam Negeri]

7. (D.R 2/2021) Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 "

[Menteri Kewangan]

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

10. PR-1441-U(27)201

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

[Perdana Menteri]

11. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

12. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

14. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

15. PR-1441-U(27)206

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

TAHUN
2021

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

CMD. 1 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

27 September 2021